

19/08/2003

Dr M bimbang ancaman syarikat gergasi asing

Mior Kamarul Shahid

DAMSYIK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan kebimbangan terhadap kemungkinan perbadanan kecil dan lemah ditelan atau ditolak ke tepi oleh syarikat asing dalam era globalisasi yang mengancam dunia hari ini.

"Tidak lama lagi syarikat gergasi asing dan bank akan memasuki negara kita dan beroperasi seolah-olah mereka adalah syarikat negara kita," kata Perdana Menteri ketika berucap kepada Menteri Kabinet, ahli Parlimen, kumpulan percambahan minda kerajaan Syria, pegawai kanan kerajaan, sarjana dan ketua eksekutif sektor swasta, di sini.

Beliau berkata, apabila itu berlaku, kemampuan negara untuk mengawal arah ekonomi akan hilang.

Sehubungan itu, katanya, negara kecil dan membangun perlu membuat pengubahsuaian bagi menghadapi era globalisasi serta tidak boleh bergantung kepada produk mereka semata-mata, sebaliknya tarif yang sama perlu dikenakan kepada produk dari seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata, urusan dagang dengan negara di dunia ada kalanya menimbulkan kerumitan terutamanya apabila ada negara tertentu menghalang import minyak sawit dan getah dari Malaysia.

"Soal tarif dan bukan tarif perlu diatasi. Kerajaan dan sektor swasta perlu bekerja keras untuk mengatasi halangan ini dan mencari pasaran baru. Masalah ekonomi yang dihadapi rakan dagang kita akan memberi kesan buruk kepada ekonomi kita," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia yang mengamalkan Islam secara toleransi menjadi tonggak kejayaan negara dalam mewujudkan kestabilan dan keamanan etnik di Malaysia, seterusnya membolehkan pembangunan negara dilaksanakan.

"Rakyat Malaysia juga mengamalkan budaya hormat menghormati dan sensitif terhadap orang lain. Sebagaimana yang dituntut Islam, majoriti Muslim di Malaysia menghormati kepercayaan yang dianuti oleh pengikut agama lain," katanya.

Bagi mengelak konflik perkauman, Malaysia membuat keputusan mentadbir negara secara bersama menerusi gabungan parti pelbagai kaum.

Menceritakan pengalaman dan kejayaan Malaysia dalam menghadapi pertikaian kaum pada 1969 dan terlaksananya Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dr Mahathir berkata, langkah itu berjaya mengurangkan ketegangan antara Bumiputera yang kebanyakan beragama Islam dengan bukan Bumiputera.

"Tindakan berkesan yang diambil bagi mengurangkan ketegangan antara rakyat pelbagai kaum menyebabkan sewaktu krisis kewangan sekali pun, tidak ada pertelingkahan kaum berlaku sebagaimana dialami di negara lain," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan dengan terperinci usaha dan strategi Malaysia dalam membangunkan negara dan halangan antarabangsa sewaktu berusaha memasarkan barangan Malaysia ke pasaran dunia.

Pada sebelah pagi, Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melawat Masjid Umayyad, masjid tertua yang dibina sewaktu kegemilangan Islam di Syria.

Dr Mahathir menderma AS\$10,000 (RM38,000) kepada masjid itu. Tengah harinya, Dr Mahathir menemui ulama Syria yang turut disertai bekas profesor Universiti Damsyik, Profesor Mohammad Tawfik Al Bujairami.

Beliau kemudian mengunjungi Speaker Parlimen, Mohamad Naji Al Otri di bangunan Parlimen Syria. Perdana Menteri kemudian merasmikan bilik pameran Proton yang turut disertai pelajar Malaysia.

Ketika berucap pada sesi dialog dengan ahli perniagaan Syria-Malaysia, Dr Mahathir berkata, Malaysia berhasrat meluaskan perdagangan dengan negara Islam termasuk Syria.

Katanya, kepercayaan beragama yang dikongsi bersama akan memudahkan kedua-dua negara berusaha untuk mendapatkan hasil yang menggalakkan.

Bagaimanapun, katanya, kedua-dua negara tidak boleh bergantung kepada kepercayaan bersama semata-mata untuk berjaya dalam suasana perniagaan antarabangsa yang kian memerlukan daya saing.

"Kita perlu meneruskan hubungan menerusi asas perniagaan yang kuat, yang kini sedang dikaji semula, diperbaiki dan diubah suai bagi menggambarkan suasana perniagaan yang sentiasa berubah," katanya.

Dr Mahathir berharap Syria akan menjalankan perdagangan yang lebih besar dengan negara Asia, terutama dengan Malaysia dan menjadi pusat bagi produk Malaysia untuk rantau ini.

Beliau mengundang ahli perniagaan Syria berkunjung ke Malaysia sewaktu sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, Oktober ini, bagi menyertai acara yang diadakan untuk ahli perniagaan Islam dari seluruh dunia.